

TAHAP PENGETAHUAN GURU MELAYU DALAM PENGAJARAN TATABAHASA BAHASA ARAB

AWATIF ABDUL RAHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
awatif@kuis.edu.my

MOHD SHAFIE ZULKIFLI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdshafie@kuis.edu.my

MUHAMMAD HASHIMEE

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
muhammad@kuis.edu.my

NAQIBAH MANSOR

Universiti Teknologi Mara (UITM)
mansornaqibah@gmail.com

ABSTRAK

Kompetensi boleh ditakrifkan sebagai kemahiran generik, kemahiran asas, kemahiran utama, dan kemahiran personal yang merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang menjadi asas kepada tugas atau prestasi kerja yang dipertanggungjawabkan merentasi semua bidang. Dalam senario pendidikan Malaysia, gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, memberi fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru, iaitu berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM). Dalam konteks guru bahasa Arab, kompetensi yang paling penting adalah penguasaan bahasa. Oleh itu, objektif kajian ini adalah menilai tahap pengetahuan guru melayu dalam aspek sintaksis Bahasa Arab, dan mengenalpasti tajuk sintaksis yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru bahasa Arab di SABK di Malaysia. Kajian ini melibatkan 218 guru melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK meliputi empat zon iaitu zon Utara, Timur, Selatan dan Tengah. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen satu set soalan ujian kompetensi guru bahasa Arab yang diadaptasi dan dibangunkan berdasarkan kriteria guru bahasa Arab yang telah dikeluarkan dan diguna pakai oleh *National Center for Assessment in Higher Education*, Saudi Arabia. Instrumen kajian ini telah melalui proses kesahan pakar dan telah dirintis sebelum digunakan dalam kajian ini. Data yang diperolehi daripada soalan ujian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru melayu dalam pengajaran sintaksis bahasa Arab di SABK berada pada tahap baik dengan min peratus 82% manakala tajuk sintaksis yang menjadi kesukaran kepada para responden adalah tajuk المنصوبات. Beberapa cadangan dikemukakan di akhir kajian bagi tujuan penambahbaikan dan pemantapan tahap pengetahuan guru melayu dalam pengajaran sintaksis bahasa Arab di SABK sebagai pelaksana Kurikulum Bersepadu Dini.

Kata kunci: tahap pengetahuan; guru; pengajaran; sintaksis; bahasa Arab.

LEVEL OF KNOWLEDGE TEACHERS IN ARABIC LANGUAGE TEACHING

ABSTRACT

Competence can define as generic, basic, fundamental, and personal skills that refer to the knowledge, skills and attitudes, which is the basis of the tasks or job responsibilities entrusted across all areas. In Malaysia's education scenario, the first wave of the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, focuses on improving teachers' professionalism standards, based on Standard Teachers Malaysia (SGM). In the context of Arabic language teachers, the most crucial competency is the mastery of language. Therefore, the objective of this study is to evaluate the level of knowledge among Malay teachers in aspects of Arabic grammar and to identify the grammatical difficulties among Arabic language teachers in SABK in Malaysia. The study involved 218 Malay teachers who teach the Arabic language in SABK from each zone in Peninsular Malaysia. This study is a quantitative method using the instrument from Arabic language competence test which adapted and developed based on the criteria of Arabic language teachers who have been issued and adopted by the National Center for Assessment in Higher Education, Saudi Arabia. This research instrument has been through the process of legal expertise and has been pioneered before being used in this study. The data obtained from competency test questions were analyzed using the SPSS version 25 software. The findings showed that the level of knowledge among Malay teachers in the Arabic language grammar at SABK was good with a mean percentage of 82% while the most challenging grammar faces by respondents was the title of المنصوبات. Some suggestions are presented at the end of the study to improve and enhance the level of knowledge of Malay teachers in teaching Arabic grammar at SABK as implementers of the Early Integrated Curriculum.

Keywords: knowledge level; teacher; teaching; grammar; Arabic language.

PENGENALAN

Akta Pendidikan 1996 telah menjelaskan status bahasa Arab di Malaysia sebagai salah satu bahasa asing bersama dengan bahasa Jepun, Jerman, atau Perancis yang boleh ditawarkan di sekolah-sekolah jika didapati munasabah dan praktik untuk berbuat sedemikian (JAPIM, 2002). Kurikulum Bahasa Arab telah digubal secara rasmi mulai 1 Januari 1977. Serentak dengan hal itu, bagi memastikan kelestarian dan pengukuhan bahasa Arab dalam arus pendidikan di Malaysia, suatu pelaksanaan dan perubahan kurikulum telah berlaku di beberapa peringkat. Justeru, kronologi bahasa Arab berlaku bermula dari sejarah, pembelajaran tidak rasmi bermula daripada pondok, kemudian diterjemahkan secara rasminya melalui akta pendidikan, pembinaan kurikulum, penawaran bahasa Arab mengikut peringkat pengajian, jelas menunjukkan kesannya kepada dua penerima utama iaitu guru dan pelajar dalam merealisasikan pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab. Pengukur kepada keberkesanan sesuatu PdPc adalah berdasarkan kompetensi yang diukur terhadap guru berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan mengikut piawaian yang ditetapkan. Oleh itu, tahap pengetahuan guru Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah berfokus kepada

kompetensi guru tersebut dalam penguasaan sintaksis Arab bagi mengajar pelajar sebagai penutur bukan jati Arab dalam konteks Malaysia.

LATAR BELAKANG

Kompetensi Guru

Kompetensi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kelayakan, kepimpinan, kesanggupan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab. Ia juga dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015). Pada Disember 2011, Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) dilancarkan sebagai rujukan dan panduan untuk memperkasa dan melestarikan guru berkualiti. SGM telah menggariskan kompetensi profesional perguruan atau piawaian yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu mereka mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Definisi guru profesional yang dimaksudkan adalah kemampuan dan penguasaan terhadap ilmu secara dinamik, reflektif dan mendalam serta dapat menerapkan nilai dan budaya baik secara global dalam proses PdPc (Jhon Helmi, 2015).

Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Arab di Malaysia

Pembelajaran sintaksis dalam mana-mana bahasa di dunia merupakan mukadimah yang sangat penting untuk membetulkan penggunaan bahasa. Pendekatan yang tepat dalam pengajaran bahasa Arab ialah mengajar bahasa tersebut dengan fungsinya secara menyeluruh sebagai bahasa ilmu yang sentiasa hidup dan berkembang dalam kehidupan bermasyarakat (Ahmad Kilani Mohamed, 2001). Penguasaan bahasa Arab secara bersepadu akan dapat dicapai melalui pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh. Pembelajaran bahasa Arab perlu melalui pemeringkatan yang bermula daripada pembelajaran di peringkat sekolah rendah, diikuti sekolah menengah dan seterusnya di peringkat universiti. Pemeringkatan cara pembelajaran bahasa dimulai dengan mudah, pertengahan dan tinggi yang memecahkan persoalan-persoalan rumit yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab secara rinci.

Pembelajaran *qawaid* (kaedah) yang cabangnya adalah sintaksis dan morfologi perlu dilaksanakan melalui kaedah latihan tubi dengan menggunakan lafaz-lafaz, ayat dan ibarat secara betul mengikut sintaksis yang tepat. Hal ini secara tidak langsung akan membina kemahiran penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar dan mengurangkan kesalahan dari segi penggunaan bahasa. Pembelajaran ini juga wajar diberi nafas baharu dengan menghubungkan pembelajaran tersebut dengan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Hal ini tentu sekali dapat membina kesedaran bahawa pembelajaran bahasa mempunyai matlamat dan pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat tersebut. Latihan tubi melibatkan aspek penulisan dan pertuturan. Guru seharusnya mengelak pelajar daripada menghafal sebagai satu cara menguasai bahasa Arab. Aspek susah senang pembelajaran *qawaid* (kaedah) merujuk kepada bagaimana kaedah pembelajaran bahasa tersebut dipraktikkan, sejauh mana kemahiran guru dan juga sejauh mana kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Arab. Guru juga perlu mengambil kira tahap persediaan dan keupayaan pelajar untuk memilih beberapa kaedah supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar.

Justeru, dalam situasi ini, guru-guru Melayu yang mengajar bahasa Arab di Malaysia perlu berlatar belakang kelulusan pendidikan sama ada dalam mahupun luar negara serta perlu menguasai tahap pengetahuan yang sesuai dengan tahap dan kemampuan pelajar dalam suasana persekitaran pembelajaran di Malaysia. Tahap tersebut merangkumi kurikulum dalam PdPc bahasa Arab melalui kaedah pengajaran, strategi dan teknik pdpc mengikut acuan penutur bukan jati. Namun, dalam kajian ini, tahap pengetahuan guru yang difokuskan adalah tahap pengetahuan sintaksis dalam kalangan guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Malaysia sebagai pelaksana Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang mula dilaksanakan pada tahun 2015.

SOROTAN LITERATUR

Dalam konteks pendidikan, kompetensi merupakan suatu ukuran yang ditetapkan bagi seseorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat. Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan. Guru juga adalah pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum. Tanpa penglibatan dan sokongan guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan secara sempurna. Perkembangan pendidikan bahasa Arab juga memerlukan kualiti pengajaran guru kerana keperluan semasa dalam sektor pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi terkini. Guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011). Manakala menurut Awang Had (1998), satu teori lazim dalam pendidikan ialah kualiti guru terletak pada kompetensi guru dan guru pula menentukan kualiti dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Begitu juga kenyataan yang dikeluarkan oleh KPM (2006) yang menunjukkan bahawa hanya mereka yang mempunyai kualiti, keterampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam dan berjiwa pendidik layak menjadi guru. Justeru, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, Noorshamshinar et al. (2017) menyatakan terdapat lima domain kompetensi sebagai keperluan kepada guru-guru bahasa Arab iaitu pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan bahasa. Aspek-aspek dan ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kompetensi tersebut mampu menjadi kayu ukur penentuan tahap kebolehan, keupayaan dan kecekapan seseorang guru bahasa Arab.

Instrumen pengukuran khusus bagi guru bahasa Arab masih lagi mengguna pakai instrumen umum. Maka, Zamri Ariffin dan Al Muslim (2014) dalam kajian mencadangkan dimensi untuk pengukuran guru bahasa Arab di Malaysia perlu melibatkan penglibatan beberapa dimensi secara serentak. Dimensi tersebut ialah dimensi kelayakan guru, dimensi karakter guru, dimensi amalan guru dan dimensi output pelajar. Pengukuran kualiti guru bahasa Arab hendaklah melibatkan keempat-empat dimensi ini secara bersama. Dengan gabungan empat dimensi ini, pengukuran kualiti guru bahasa Arab telah mengguna pakai kedua-dua konsep *good teacher* dan *affective teacher*. Sudut penilaian guru yang baik dicerap sama ada dari sudut pengetahuan, latihan perguruan yang diterima, sijil-sijil yang diperolehi, kelakuan, amalan pengajaran dan lain-lain aspek yang berkaitan secara langsung. Dalam erti kata yang mudah, guru bahasa Arab yang berkualiti tinggi ialah guru yang mempunyai kelengkapan diri dalam bidang pengajaran. Manakala *affective teacher* pula merujuk kepada kesan perubahan dalam pengajaran yang berlaku kepada pelajar yang dianggap sebagai sasaran sesebuah pendidikan. Dalam konteks ini, guru bahasa Arab yang berkualiti tinggi ialah guru yang berkemampuan mencorak peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran pelajar setelah melalui proses pembelajaran bahasa Arab bersamanya.

Kajian yang dijalankan oleh Nazri Atoh, Saipolbarin dan Mohd Zawawi (2014) berkaitan guru bahasa Arab berkualiti mendapati bahawa antara ciri-ciri profesional seseorang ialah opsyen pengajian guru mestilah bahasa Arab, guru mestilah mempunyai pendidikan tentang perguruan, atau sekurang-kurangnya pernah berpraktikum di sekolah. Selain daripada itu, medium penyampaian PdPc mestilah 80% dalam bahasa Arab, menggunakan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang menarik dan berkesan serta cakna dengan persekitaran pembelajaran.

Secara kolektifnya, tinjauan fakta dan dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum ini berfokus kepada matlamat yang sama iaitu melahirkan guru bahasa Arab yang berkompeten. Tujahan dan pemilihan responden kajian berbeza mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan kajian-kajian yang telah dan bakal dijalankan oleh pengkaji dapat menghasilkan dapatan yang praktikal dan memberi impak terhadap pembangunan pendidikan bahasa Arab di Malaysia khususnya dan arus pendidikan perdana di Malaysia secara amnya.

PERNYATAAN MASALAH

Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) adalah sebagai rujukan dan panduan untuk memperkasa dan melestarikan guru berkualiti. SGM telah menggariskan kompetensi profesional perguruan atau piawaian yang patut dicapai guru dan keperluan yang patut disediakan agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu mereka mencapai tahap kompetensi ditetapkan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Keutamaan dalam polisi transformasi pendidikan perlu disusun berasaskan persetujuan umum dalam kalangan sarjana bahawa kualiti guru adalah faktor yang paling berkesan dalam kejayaan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Zamri Ariffin dan Al Muslim (2014) berfokus kepada kualiti guru bahasa Arab dalam konteks Malaysia dengan menyatakan bahawa sekiranya suatu transformasi dalam pendidikan bahasa Arab hendak dimulakan di Malaysia, maka fokus utama ialah membina dan menyediakan guru yang berkualiti sekaligus mampu mendepani cabaran pendidikan semasa. Namun, sehingga kini garis panduan dan rujukan standard dan seragam bagi mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab secara khusus belum didapati dan dihasilkan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Manakala menurut Noorshamshinar et al. (2017), kajian beliau berfokus kepada kompetensi guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan bahawa kompetensi guru merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh KPM. Kajian menitikberatkan kompetensi umum dan memfokuskan kepada pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Untuk menjadi seorang guru bahasa Arab yang berkompeten, guru tersebut perlulah menguasai segala aspek dan ciri-ciri pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias dan Hanis Najwa (2014) berfokus kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kurikulum bu'uth al-Azhar di SABK. Antara dapatan kajian beliau dari sudut pandang pelajar adalah guru bahasa Arab melaksanakan amalan PdPc di dalam bilik darjah.

Menurut Ghazali, Nik Mohd Rahimi dan Parilah (2010) kelemahan pelajar mempunyai hubung kait yang rapat dengan faktor tenaga pengajar, malah tenaga pengajar menjadi faktor kejayaan pembelajaran bahasa di dalam kelas. Faktor tenaga pengajar boleh dilihat dari tiga sudut iaitu, pertama; kemahiran guru dalam mengajar bahasa, kedua; kemahiran guru dalam menguasai selok-belok bahasa yang diajar dan ketiga; personaliti guru bahasa.

Justeru, berdasarkan dapatan sebahagian kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan permasalahan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih lagi perlu kepada kajian yang berterusan. Pelbagai dimensi kajian telah dijalankan dengan terarah dan dinamik bagi mencapai dapatan yang memberi impak kepada pelbagai pihak. Justeru, pengkaji mengambil inisiatif mengkaji tahap pengetahuan guru Melayu dalam pengajaran bahasa Arab sebagai nilai tambah kajian-kajian sebelum ini. Hal ini kerana, pelaksanaan PdPc bahasa Arab melibatkan pelbagai dimensi antaranya melihat kepada kecekapan guru dalam memindahkan ilmu ke arah kemenjadian pelajar. Walau apa dan bagaimana kajian itu dijalankan bertitik tolak kepada permasalahan dan isu-isu yang timbul ke arah penambahbaikan bagi memenuhi dan menyokong arus transformasi pendidikan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Melayu dalam pengajaran bahasa Arab dari aspek sintaksis bahasa Arab.
2. Mengenal pasti tajuk sintaksis yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru Melayu dalam pengajaran bahasa Arab.


METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi tujuan melihat tahap pengetahuan guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK. Data kajian dikumpulkan melalui soalan ujian kompetensi manakala dapatan dihurai secara deskriptif bagi menerangkan tahap pengetahuan guru bahasa Arab di SABK di empat buah zon di Semenanjung Malaysia.

Populasi dan Sampel

Populasi bagi kajian ini melibatkan negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah bilangan guru SABK ditentukan mengikut empat zon berbeza iaitu (i) Zon Utara (ii) Zon Timur (iii) Zon Tengah dan (iv) Zon Selatan. Bilangan kesuluruhan guru SABK mengikut empat buah zon adalah seperti Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1: Bilangan Keseluruhan Guru di SABK Mengikut Zon Sumber: Unit Pendidikan Islam Rendah, Bahagian Pendidikan Islam, KPM 2017

Jumlah populasi guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab SABK di negeri-negeri Semenanjung Malaysia seperti yang telah disebutkan adalah seramai 490 orang. Oleh yang demikian, sampel guru yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih kurang 215 – 217 orang guru sahaja berdasarkan Jadual 1 Krejcie Morgan (1970) di bawah:

JADUAL 1:Populasi dan Sampel (Krejcie Morgan)

Table for Determining Sample Size of a Known Population									
N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	1000000	384

Note: N is Population Size; S is Sample Size
Source: Krejcie & Morgan, 1970

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Dalam menentukan kesahan instrumen kajian, dua jenis kesahan instrumen telah digunakan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Beberapa orang pakar yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam membina instrumen telah dipilih bagi menentukan kesahan berkenaan ketepatan penggunaan bahasa, ejaan dan sebagainya mengikut laras bahasa yang difahami responden kajian. Seterusnya, kesahan item-item yang terdapat di dalam instrumen juga turut diambil kira. Item-item dinilai dan dipastikan agar dapat mewakili semua konstruk yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang digunakan untuk menentukan ketekalan nilai skor setiap item. Nilai skor setiap item dinilai berdasarkan nilai alpha antara 0.00 hingga 1.00. Dalam kajian ini, instrumen soalan ujian dinilai menggunakan Alpha Cronbach untuk menentukan nilai kebolehpercayaan kesemua item yang terdapat dalam konstruk kajian. Nilai alpha 0.65 – 0.95 memiliki kebolehpercayaan yang tinggi kerana menghampiri nilai alpha 1.00 manakala item yang memiliki nilai alpha < 0.60 menunjukkan tahap kebolehpercayaan di tahap yang rendah (Ghazali & Sufean, 2016).

Dalam kajian ini, nilai alpha yang diperolehi bagi keseluruhan item dalam instrumen adalah = .945. Ini menunjukkan instrumen memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan sebagai instrumen dalam kajian sebenar.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian menggunakan soalan ujian yang diadaptasi berdasarkan kayu ukur yang diambil dari *National Center for Assessment in Higher Education*, Saudi Arabia.

Prosedur Penganalisan Data

Soalan Ujian

Soalan ujian ini melibatkan responden dalam kalangan guru berbangsa Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sebelum memulakan penganalisan data, pengkaji terlebih dahulu mengasingkan jawapan soalan ujian guru yang tidak lengkap. Hal ini tidak mengganggu jumlah sampel sebenar kerana data yang diambil melebihi jumlah sampel yang ditetapkan (N: 215 - 217). Setelah itu, pengkaji menanda dan merekodkan jumlah skor guru. Skor 40 merupakan skor paling tinggi kerana setiap jawapan yang betul diberikan skor 1 manakala jawapan yang salah diberikan skor 0. Seterusnya, pengkaji menukar skor guru kepada bentuk min dan peratusan.

Bagi mendapatkan min bagi setiap guru, data daripada soalan ujian tersebut dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25. Begitu juga dengan min bagi setiap item dalam ujian tersebut. Data-data kajian ini kemudiannya dihurai dan dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK. Selain itu, data-data ini juga dipersembahkan dalam bentuk jadual agar perbincangan dapat dipersembahkan dengan lebih jelas.

Dalam konteks ini, tahap pencapaian dan penguasaan guru terhadap sintaksis bahasa Arab di SABK diinterpretasikan berdasarkan min dan peratus seperti Jadual 2 di bawah yang dirujuk dan diadaptasi terus daripada Hazrul Affendi, Zamri, Hakim, Mohd. Nizho dan Shuhairimi (2016).

JADUAL 2: Markah, Gred, Pencapaian dan Penguasaan Nahu

Markah	Gred	Pencapaian	Keupayaan Ilmu Nahu	Penguasaan Nahu
85 – 100	A	Cemerlang	Tepat dan sesuai.	Sangat tinggi
70 – 84	B	Baik	Sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Baik
60 – 69	C	Sederhana Baik	Kebanyakannya sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Memuaskan
45 – 59	D	Kurang Baik	Biasanya sesuai tetapi dengan ketidaktepatan yang ketara.	Mampu menguasai tetapi wujud salah tafsiran
30 – 44	E	Lemah	Penggunaan yang tidak tepat dalam bahasa dan mengakibatkan kesalahan yang kerap dalam sintaksis.	Terhad
0 – 29	F	Sangat Lemah	Penggunaan yang tidak sesuai dan tepat dalam bahasa yang menyebabkan kesalahan sangat kerap dalam sintaksis.	Kurang penguasaan

PERBINCANGAN

Analisis Dapatan

Tahap Pengetahuan Guru Melayu yang Mengajar Subjek Bahasa Arab di SABK

Jadual berikut merupakan dapatan keseluruhan tahap pengetahuan guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya tahap pengetahuan sintaksis bahasa Arab bagi guru Melayu yang mengajar berada pada tahap baik dengan nilai min peratus keseluruhan sebanyak 82%.

JADUAL 3. Tahap Pengetahuan Tatabahasa Bahasa Arab bagi Guru Melayu di SABK

	N	Min Peratus	Tahap
Tahap Pengetahuan Tatabahasa	218	82%	Baik

Dapatan kajian membuktikan bahawa guru-guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK di Malaysia kompeten kerana menguasai pengetahuan dalam aspek sintaksis bahasa Arab. Sebagaimana dinyatakan oleh Mohammed Sani et al. (2015), kompetensi merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi seseorang untuk melaksanakan tugas atau tanggungjawab. Ia juga dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mat Taib Pa (2016) bahawa guru merupakan antara elemen terpenting dalam proses pengajaran kerana merekalah yang melaksanakan pengajaran secara hakiki dan dihadapi oleh pelajar secara langsung. Kadang-kadang kelemahan yang terdapat pada kurikulum dan buku teks serta kelemahan pelajar, dapat diatasi oleh guru yang baik dan berkesan melibatkan kepakaran dan pengkhususan. Kepakaran guru dalam bidang yang diajar sangat penting. Tahap kepakaran yang diperlukan adalah bergantung kepada peringkat yang diajar. Ia

berkait rapat dengan pengalaman, kursus-kursus yang diikuti dan kesungguhan guru. Ia turut dikaitkan dengan pengkhususan guru, walaupun ia bukanlah sesuatu kemestian.

Tajuk Nahu yang Menjadi Kesukaran dalam Kalangan Guru Melayu dalam Pengajaran Bahasa Arab.

JADUAL 4. Pencapaian Responden Mengikut Konstruk

<i>Konstruk Ujian Nahu</i>			
	Peratusan	Pencapaian	Tahap Kompetensi Nahu
Pembahagian Perkataan	95%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Marfu'	89%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Majrur	87%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Hukm Fe'il Mudhori'	85%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Mansub	58%	Kurang Baik	Mampu Menguasai

Berdasarkan Jadual 4 di atas, majoriti guru memperoleh peratusan cemerlang dalam **pembahagian perkataan** sebanyak (95%), *Ism Marfu'* sebanyak (89%), *Ism Majrur* sebanyak (87%) dan *Hukm Fe'il Mudhori'* sebanyak (85%). *Ism Mansub* dilaporkan berada pada peratusan kurang baik sebanyak (58%) dan tahap kompetensi Nahu guru dilaporkan mampu menguasai. Hal ini sejajar dengan dapatan yang telah dijalankan oleh Hazrul Affendi et al. (2016) yang menyatakan tahap penguasaan guru bahasa Arab terhadap ilmu Nahu berada pada tahap memuaskan. Selain itu, sub-sub topik yang banyak seperti '*adad wa al-ma'dud, al-maf'ul bih, al-zuruf, al-hal, al-maf'ul al-mutlaq, al-istithna*' dan *al-munada* dalam pembahagian *Mansubat* memerlukan guru mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap fungsi-fungsinya yang pelbagai (Nik Muhammad Rozi, 2018).

Walaupun konstruk-konstruk lain berada pada tahap pencapaian cemerlang dan dikategorikan dalam kelompok tahap kompetensi sintaksis sangat tinggi, namun terdapat juga kekerapan kesalahan pada konstruk-konstruk tersebut yang perlu guru berikan perhatian, membuat penambahbaikan dan pengulangan semula pada topik-topik berkenaan. Seharusnya, guru yang dipertanggungjawabkan dalam mengajar subjek sintaksis perlu memiliki kemahiran yang tinggi dan terlatih dalam bidang ini. Di samping itu, guru juga perlu menguasai secara menyeluruh aspek pengajaran bahasa dan memahami bahawa pengajaran sintaksis adalah komponen terpenting yang perlu dikuasai guru terlebih dahulu dalam memastikan wujudnya impak dan kesan positif dalam pengajaran bahasa kepada pelajar (Ab Halim, 2005; Ahmad Kilani, 2001). Begitu juga perihal kajian tentang pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua masih lagi dijalankan di pelbagai peringkat antaranya kajian oleh Majdan, Shahidi dan Rahim (2019) isu yang ditimbulkan adalah bagaimanakah cara sebutan yang betul bagi bunyi Arab yang tiada dalam bahasa ibunda. Justeru, jelas menunjukkan bahawa pengajaran bahasa kedua kepada bukan penutur jati masih perlu kepada dapatan-dapatan kajian yang berterusan dan praktikal terutamanya aspek sintaksis dan morfologi bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa dalam kalangan guru mahupun pelajar.

Dapatan kajian ini juga menjadi kesinambungan cadangan dapatan kajian yang dicadangkan oleh Al Muslim Mustapa dan Zamri Arifin (2015) iaitu untuk menentukan dimensi
ISSN 1675-7513

kualiti guru bahasa Arab di Malaysia perlu dilaksanakan kerangka dimensi pengukuran bahasa Arab bercirikan tempatan dan spesifik, agar sebuah modul yang sesuai dengan konteks Malaysia dapat diketengahkan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan dimensi pengetahuan sintaksis dalam kajian ini dinilai dan diguna pakai dalam kerangka pengukuran bahasa Arab mengikut ciri-ciri tempatan. Hal ini bagi menentukan tahap pengetahuan guru Melayu yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK di Malaysia. Sebagaimana kajian oleh Karim, Khairul, Lokman, Zawahir dan Azhar (2018) menyatakan bahawa pembangunan kerangka standard bahasa Melayu/Indonesia akan menambah nilai bahasa Melayu/Indonesia di peringkat antarabangsa kerana kerangka ini dapat dijadikan rujukan oleh pengguna bahasa Melayu di seluruh dunia. Cadangan pembinaan kerangka standard bahasa ini adalah satu usaha mengukur tahap penguasaan dan menambah baik penggunaan sesuatu bahasa.

KESIMPULAN

Guru merupakan faktor terpenting dalam proses pengajaran terutama pengajaran bahasa. Guru perlu memiliki pengetahuan dan maklumat yang banyak untuk menjadikan pengajaran yang diajar dapat memberi impak positif dan lebih berkesan kepada pelajar. Guru yang dipertanggungjawabkan dalam mengajar subjek sintaksis perlu memiliki kemahiran tinggi dan terlatih dalam bidang ini. Di samping itu, guru juga perlu menguasai secara menyeluruh aspek pengajaran bahasa dan memahami bahawa pengajaran sintaksis adalah komponen terpenting dalam memastikan keberhasilan kesan positif dalam pengajaran bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa komponen sintaksis merupakan komponen bahasa terpenting yang perlu dikuasai oleh para guru terlebih dahulu. Dapatan jelas menunjukkan bahawa, para guru memerlukan penambahbaikan dari aspek pengetahuan ilmu sintaksis di samping mengikuti kursus-kursus yang tidak hanya memfokuskan kepada cara dan teknik pengajaran, bahkan yang menjurus ke arah penambahbaikan dan penguasaan ilmu sintaksis. Hal ini juga selari dengan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh para guru bahawa mereka memerlukan kursus dari segi qawaid sebagai ulangkaji tahunan dan bukan semata-mata penerangan teori atau pembentangan melalui *slide* sahaja untuk pemantapan dalam pengajaran ilmu sintaksis secara khususnya.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat di dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini dibiayai oleh geran GPIK 2017 di bawah kendalian RMC, KUIS yang bertajuk “Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di SABK di Malaysia”, kod penyelidikan: 2017/P/GPIK/GPM-017.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. 2005. *Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kaedah Komunikatif Bersepadu (KKB), Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Al Muslim Mustapa & Zamri Arifin. 2015. Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia. *ISLAMIYYAT*, 37(1), 49-57.
- Awang Had Salleh. 1998. Latihan Perguruan Untuk Sekolah Berkesan. Pembentangan dalam Seminar JPPG 1998: Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan, Universiti Malaya.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33.
- Hazrul Affendi Mohamad Razali, Zamri Arifin, Hakim Zainal, Mohd. Nizho Abdul Rahman, Shuhairimi Abdullah. 2016. Lima Tahap Penguasaan Ilmu Nahu dalam Kalangan Guru-Guru Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 5, 179-208.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2002. Kertas Dasar Kurikulum Semakan Bahasa Arab Komunikasi & Bahasa Arab Tinggi di Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jhon Helmi. 2015. Kompetensi Profesionalisme Guru. *Al-Ishlah Jurnal Pendidikan*, 7(2), 318-336.
- Karim Harun, KhairulAnuar Ismail, Lokman Abd.Wahid, Zawahir Ismail & Azhar Md. Sabil. 2018. Membina Kerangka Standard Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 241-254.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. 2014. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51-61.
- Majdan Paharal Radzi, Shahidi A. H. & Rahim Aman. 2019. Ciri-Ciri Akustik Bunyi Faringealisasi Arab Oleh Penutur Natif Melayu: Penelitian Berasaskan Perbezaan Jantina. *Jurnal Melayu*, 18(1), 13-28.
- Mat Taib Pa. 2016. Isu Pembelajaran dan Pengajaran Nahu Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu dan Cara Menanganinya. Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab (PABA 2016), Universiti Malaya.
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Husaina Banu Kenyathulla. 2015. *Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- National Center for Assessment Kingdom of Saudi Arabia. 2017. *معايير معلمي اللغة العربية*. (Atas talian). Muat turun 05 Mei 2018, dari <https://www.qiyas.sa/ar/exams/profession/teachers/Pages/default.aspx>

- Nazri Atoh, Saipolbarin Hj Ramli & Mohd Zawawi Ag Hamat. 2014. Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Nik Muhammad Rozi Nik Yusoff. 2018. Analisis Ketepatan dan Kesesuaian Kandungan Ilmu Sintaksis dalam Buku Teks KBSM. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, UKM.
- Noor Shamshinar Zakaria, Abdul Razif Zaini, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Mohamad Rushdan Hj Azizan, Hasmadi Hamdan, Rofian Ismail & Mohd Redzauddin Ghazali. 2017. Kompetensi Guru Bahasa Arab dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK 2017).
- Unit Perancang Ekonomi. 2010. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Putrajaya.
- Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa. 2014. Kualiti Guru Bahasa Arab Dalam Konteks Malaysia: Menangani Persoalan Asas. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014.

Biodata Penulis:

Awatif Abdul Rahman merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Lulusan Sarjana Pendidikan (Bahasa Arab) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bahasa Arab.

Muhammad Hashimee merupakan pesyarah di Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kepakaran beliau adalah linguistik Arab.

Mohd Shafie Zulkiflee merupakan pesyarah di Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kepakaran beliau adalah linguistik Arab.

Naqibah Mansor merupakan pembantu penyelidik berkelulusan Sarjana Sains Kepustakaan, UITM.